



Transformation Management Office (TMO)  
The Secretariat for PCG  
Level 29, Mercu UEM  
Jalan Stesen Sentral 5  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur  
Tel: +603 2119 0000 Fax: +603 2119 0008  
pcg@treasury.gov.my



**SIARAN MEDIA**  
**Putrajaya, 6 Mei 2010**

## **GLC BERSEDIA MENYOKONG USAHA KERAJAAN UNTUK MELAKSANAKAN MEB**

YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak telah mempengerusikan Mesyuarat ke-21 Jawatankuasa Putrajaya bagi Prestasi Tinggi GLC ("PCG"), hari ini. Pada mesyuarat tersebut, Pengerusi-pengerusi dan Ketua-ketua Pegawai Eksekutif ("CEO") Syarikat-syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan<sup>1</sup> ("GLIC") dan Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan ("GLC") telah menyuarakan kesediaan serta sokongan mereka kepada usaha-usaha Kerajaan untuk mentransformasikan ekonomi selari dengan Model Ekonomi Baru ("MEB").

Pihak GLIC dan GLC telah disarankan untuk mempercepatkan momentum Program Transformasi GLC berdasarkan kepada hubungan kejayaan GLC dengan kejayaan ekonomi negara. Pada mesyuarat tersebut juga, GLIC dan GLC digesa untuk ke hadapan dan mempamerkan sokongan mereka untuk mencapai tiga sasaran utama MEB, iaitu Pendapatan Tinggi, Keterangkuman dan Kelestarian.

Mesyuarat tersebut turut dihadiri Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab untuk Unit Perancang Ekonomi, YB Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, Menteri Kewangan II, YB Dato' Seri Ahmad Husni Hanadzlah, Timbalan Menteri Kewangan II, YB Senator Datuk Dr Awang Adek Hussin, pegawai-pegawai kanan Kementerian Kewangan, para pemimpin lima buah GLIC serta Pengerusi dan CEO G-20<sup>2</sup>.

Semasa mesyuarat tersebut, Sekretariat PCG, bagi pihak GLIC dan GLC, telah melaporkan kepada Perdana Menteri dan Ahli-ahli PCG bahawa kedudukan GLC tetap kukuh sepanjang mengharungi krisis sub-prima 2008-09 dan dijangka akan terus berkembang maju pada 2010. Ini terbukti dengan Pulangan Pemegang Saham ("TSR") G-20 yang telah mencatatkan pulangan terkumpul untuk tempoh enam tahun pada kadar 14.7% pada 3 Mei 2010, sekali gus mengatasi FBMKLCI (tidak termasuk G-20) sebanyak 2.6%. Pendanaan pasaran G-20 pula berjumlah RM301 bilion setakat 3 Mei 2010, mengatasi kedudukan tertinggi sebelum bermulanya krisis iaitu RM293 bilion pada 31 Disember 2007. Pendapatan agregat G-20 diramalkan akan meningkat kepada RM17.7 bilion pada Tahun Kewangan ("TK") 2010, peningkatan RM6 bilion atau 52% daripada TK2009.

---

<sup>1</sup> Lima buah GLIC tersebut adalah Permodalan Nasional Berhad, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Khazanah Nasional Berhad, Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Lembaga Tabung Haji.

<sup>2</sup> G-20 merupakan kumpulan 20 buah GLC yang dikuasai GLIC di bawah PCG. Buat masa ini, terdapat 19 buah GLC lanjutan daripada penggabungan Sime Darby dan pemisahan TM. Kumpulan UEM telah mengambil alih kedudukan UEM World selepas penstrukturan semula UEM. TSR Kumpulan UEM dikira dengan menggunakan nilai anak-anak syarikatnya yang tersenarai sebagai proksi.



Transformation Management Office (TMO)  
The Secretariat for PCG  
Level 29, Mercu UEM  
Jalan Stesen Sentral 5  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur  
Tel: +603 2119 0000 Fax: +603 2119 0008  
pcg@treasury.gov.my



Turut dibincangkan semasa mesyuarat tersebut adalah lima peranan teras yang akan dimainkan oleh GLIC dan GLC untuk menyokong MEB. Peranan-peranan tersebut adalah:

1. Terus kekal komited menjalankan Program Transformasi GLC yang mengambil masa 10 tahun;
2. Terus berusaha (menerusi pelan transformasi) untuk melahirkan jaguh serantau;
3. Bila mana sesuai, mempelopori pelaburan ekonomi baru yang selari dengan MEB;
4. Bekerjasama dan melabur bersama dengan sektor swasta bukan GLC;
5. Terus menumpukan fokus kepada operasi teras di medan permainan yang saksama serta melepaskan pegangan dalam aset yang tidak teras dan tidak kompetitif.

Para pengerusi dan CEO GLIC dan GLC yang hadir semasa mesyuarat tersebut turut bersetuju untuk memastikan organisasi masing-masing akan terus menyejajarkan program-program transformasi yang dijalankan dengan saranan yang terkandung dalam MEB. Secara ringkasnya:

1. GLIC dan GLC telah bersedia untuk menyokong MEB dan mencapai sasaran yang telah ditetapkan untuk negara;
2. Sokongan berterusan daripada Kerajaan bagi Program Transformasi GLC adalah kritikal;
3. Rangka dan polisi pengawalseliaan adalah penting bagi menjamin medan permainan yang saksama;
4. Program-program bagi terus memperkukuhkan modal insan dan pembangunan bakat serta kebajikan kakitangan adalah penting dan akan terus dijalankan;
5. Terus memperkukuhkan perhubungan Kerajaan dengan Kerajaan, penyelarasan dan rangkaian bagi menyemarakkan usaha-usaha yang dijalankan oleh GLIC dan GLC untuk memperkembangkan operasi ke peringkat serantau dan global.

**TAMAT**

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi Mohd Asuki Abas di talian +03-2034 0294 atau e-mel [asuki.abas@khazanah.com.my](mailto:asuki.abas@khazanah.com.my)



Transformation Management Office (TMO)  
The Secretariat for PCG  
Level 29, Mercuri UEM  
Jalan Stesen Sentral 5  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur  
Tel: +603 2119 0000 Fax: +603 2119 0008  
pcg@treasury.gov.my



## TENTANG PCG & SENARAI TERKINI G-20

Program Transformasi GLC (“GLCT”) telah dilancarkan pada 14 Mei 2004. PCG pula telah diperkenalkan pada Januari 2005 sebagai Jawatankuasa Pemandu Program. PCG mengetuai usaha-usaha transformasi GLC menjadi organisasi berprestasi tinggi. PCG terdiri daripada wakil-wakil daripada Menteri Kewangan Diperbadankan dan Pejabat Perdana Menteri dan turut dianggotai oleh ketua-ketua Syarikat-syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (“GLIC”) iaitu Khazanah Nasional Berhad, Permodalan Nasional Berhad, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Lembaga Tabung Haji. Menteri di Pejabat Perdana Menteri yang bertanggungjawab untuk Unit Perancang Ekonomi, Ketua Setiausaha Negara dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan juga merupakan ahli tetap PCG sejak mesyuaratnya yang ke-20 memandangkan penglibatan mereka, yang secara langsung terlibat dalam usaha-usaha mentransformasikan sektor awam, akan memperkukuhkan peranan Kerajaan sebagai ejen GLCT bagi mewujudkan persekitaran yang sesuai yang dapat membantu mencapai matlamat Program GLCT.

Sekretariat kepada PCG, Pejabat Pengurusan Transformasi (“TMO”) telah diwujudkan di Khazanah dan diberi tanggungjawab untuk mengurus pelaksanaan Program GLCT.

### Senarai terkini Syarikat-syarikat di bawah kumpulan G-20

1. Affin Holdings Berhad
2. Axiata Group Berhad
3. BIMB Holdings Berhad
4. Boustead Holdings Berhad
5. CIMB Group Berhad
6. Chemical Company of Malaysia Berhad
7. Malayan Banking Berhad
8. Malaysian Airline System Berhad
9. Malaysia Airports Holdings Berhad
10. Malaysian Building Society Berhad
11. Malaysian Resources Corporation Berhad
12. Pos Malaysia Berhad
13. Proton Holdings Berhad
14. Sime Darby Berhad
15. Telekom Malaysia Berhad
16. Tenaga Nasional Berhad
17. TH Plantations Berhad
18. UEM Group Berhad
19. UMW Holdings Berhad